

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

YFP 303 - Penerbitan Audio

Masa: 2 jam

Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan.

1. SAMA ADA

- a. "Corak siaran radio di Malaysia kini sudah banyak berubah. Setiap rangkaian radio RTM telah berkembang dan pendengar masing-masing sudah meningkat. Tetapi masih juga terdapat beberapa kelemahan dalam berbagai aspek siarannya yang boleh diperbaiki."

Bincangkan kenyataan di atas dengan memberikan contoh apakah ciri-ciri menarik dalam siaran tersebut dan apakah kelemahan yang boleh diperbaiki berdasarkan kepada pengamatan dan pendengaran radio anda sendiri. Anda boleh menghadkan perbincangan ini kepada yang mana-mana satu rangkaian yang anda biasa dengar.

(100 markah)

ATAU

- b. Andaikan anda diminta menulis satu cadangan untuk mewujudkan satu siaran radio untuk kampus USM yang akan bermula daripada bulan Januari, 1996. Rangkakan cadangan tersebut dengan mengambil kira segala aspek siaran tersebut, iaitu, dasar rancangan, pengurusan, pembiayaan, penyeliaan, tenaga penyiar, corak rancangan, kandungan rancangan dan lain-lain. Cadangkan juga masa jumlah siaran seminggu serta tempoh siaran (sama ada di pagi, petang, malam sebagainya). Berikan juga satu nama (identifikasi stesen) kepada siaran ini.

(100 markah)

...2/-

2. a. Temuramah adalah satu format yang disukai oleh penyiar untuk menyampaikan maklumat kepada pendengar. Mengapa?
- b. Apakah perbezaan di dalam persediaan dan perjalanan temuramah secara langsung (umpamanya dalam sesi kontinuiti) dan temuramah yang dirakamkan (umpamanya untuk majalah radio)?

(100 markah)

3. Huraikan apakah tugas-tugas terperinci seorang juruhebah sewaktu ia bertugas dalam sesi kontinuiti dan apakah masalah-masalah yang boleh timbul dalam sesi tersebut. Anda digalakkan untuk memberi contoh daripada pengalaman anda sendiri di dalam sesi kontinuiti yang telah dijalankan.

(100 markah)

-oooOooo-